



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاِخْوَالِ الْاِسْلَامِيَّةِ نِجَرِي سَبَاڤِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 ZULKAEDAH 1444H / 02 JUN 2023M

BERHEMAM BERI TEGURAN ELAK PERSELISIHAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 23/05/23

PEGAWAI PENYEMAK : 

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 29/05/2023

DIBACA PADA : 02/06/2023

DILULUSKAN OLEH : 

BAHARUDIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
BERHEMAH BERI TEGURAN ELAK PERSELISIHAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ
الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾ (سورة الأنفال (8): 46)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN TETAMU ALLAH YANG MULIA!

Bertakwalah kepada Allah SWT dalam erti kata mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Maka marilah kita tanamkan tekad dan keazaman yang bersungguh-sungguh untuk menjunjung tinggi perintah Allah agar kita tergolong orang yang bertakwa dan beroleh kemuliaan di dunia dan di akhirat kelak.

Pada kesempatan ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:
“BERHEMAH BERI TEGURAN ELAK PERSELISIHAN”.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Perselisihan faham dan perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam di zaman silam, telah menyumbang kepada keruntuhan pemerintahan dan empayar Islam. Sejarah itu harus dijadikan iktibar seterusnya pemangkin kepada usaha mengeratkan silaturahim dan mengekalkan perpaduan agar menjadi umat yang kuat, disegani, bermaruah dan dirahmati Allah. Ini kerana, penghayatan terhadap sejarah silam itu setidak-tidaknya mengurangkan risiko berlakunya perselisihan faham di kalangan umat Islam. Seajar dengan saranan yang tersirat pada petikan ayat **46 surah al-Anfal, ayat 46**:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”

(QS al-Anfal (8): 46).

Sewaktu tiba di Madinah dalam peristiwa hijrah, Rasulullah SAW mendirikan masjid. Baginda turut mempersaudarakan kaum Muhajirin dengan kaum Ansar yang bermatlamat untuk menguatkan persaudaraan serta hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam. Langkah Rasulullah SAW tersebut menzahirkan betapa pentingnya hubungan silaturahim dipelihara dan

diperkukuhkan atas hakikat bahawa orang Islam adalah bersaudara, sebagaimana mafhum hadis Baginda SAW yang **bermaksud**:

“Sesungguhnya orang Islam adalah bersaudara, tidak boleh menzalimi dan menghinanya. Barang siapa menunaikan hajat saudaranya, nescaya Allah menunaikan hajatnya. Barang siapa melepaskan kecelakaan daripada seorang Muslim, nescaya Allah menyelamatkannya dari kecelakaan pada Hari Kiamat. Barang siapa menutup kelemahan seseorang Muslim, nescaya Allah menutupi kelemahannya pada Hari Kiamat.”

(HR Muslim)

Ironinya umat Islam dilarang untuk berbalah dan bersengketa, apatah lagi berpecah belah. Sebaliknya, seluruh komuniti Islam tanpa mengira kaum, keturunan dan warna kulit dianjurkan supaya mengeratkan jalinan silaturahim dalam kerangka mengukuhkan ukhuwah Islamiah. Silaturahim yang terjalin erat dapat membenih hubungan serta persefahaman yang lebih baik. Ianya juga berpotensi menjauhkan diri daripada gejala cemuh-mencemuh, hasad dengki serta fitnah-memfitnah yang membarah sekaligus mencetus perselisihan faham dan perpecahan ummah. Kita semua harus ambil maklum bahawa ukhuwah Islamiah yang padu dan kukuh menjadi tunjang kekuatan ummah.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Di era teknologi maklumat hari ini, jalinan ukhuwah dilihat menjadi semakin mudah dengan adanya pelbagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Tanpa memerlukan modal yang banyak dan masa yang panjang,

kita boleh bertanya khabar serta tahu perkembangan saudara dan rakan yang jauh hanya di hujung jari. Hubungan yang jauh boleh didekatkan dan ini memudahkan kita mengukuhkan semangat persaudaraan dan persahabatan.

Namun demikian, mutakhir ini medium untuk berkomunikasi seperti media sosial telah disalahgunakan sebagai platform untuk menyampai dan menyalurkan pandangan atau teguran yang bernada cemuhan, penghinaan dan menjatuhkan maruah orang. Hatta, ada yang menggunakan media sosial sebagai medan untuk menyalurkan kritikan berbau prasangka dengan perasaan ego dan emosi. Jika amalan memberi reaksi berdasarkan kepada ego dan emosi tanpa berhemah, dikhuatiri ia akan menyemarakkan lagi polimik cabar-mencabar sehingga menyalakan api kebencian dan permusuhan.

Meskipun sebagai manusia kita tidak dapat lari daripada melontarkan pandangan mahupun teguran yang berbeza antara satu sama lain, janganlah tergopoh-gapah dalam memberi reaksi terhadap apa jua isu yang bertebaran di Facebook, Instagram, Whatsapp dan media sosial lainnya. Tindakan memberi reaksi secara tidak berhemah atau tanpa usul periksa, boleh menjurus kepada prasangka yang mengundang natijah lebih buruk. Perlu diingat, tidak semua orang boleh menerima teguran mahupun kritikan dengan hati lapang dan fikiran terbuka kendati ada teguran atau ulasan yang diberikan itu ada kewajarannya.

PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Dalam kerangka memperbaiki diri dan mengeratkan silaturahim antara mukmin, kita perlu berhemah dalam memberikan sebarang reaksi sama ada

dalam situasi secara bersemuka mahupun melalui media sosial. Sama ada reaksi itu berbentuk teguran, pandangan semata, idea mahupun ulasan, kesemuanya harus disampaikan secara berhemah dan bijaksana. Cara ini sejajar dengan saranan Allah SWT sepertimana yang terakam pada **surah an-Nahl ayat 125**:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk..”

(QS an-Nahl (16):125)

Berdasarkan kepada anjuran Allah tersebut, dapat dirumuskan beberapa kaedah atau pendekatan dalam memberi reaksi secara berhikmah sepertimana berikut:

Pertama, elak merendahkan marwah individu atau kumpulan sasar yang ditegur.

Kedua, carilah masa yang sesuai untuk menegur.

Ketiga, berilah pandangan atau teguran dengan ikhlas dan berfakta, bukannya auta, dan

Keempat, menghormati dan memahami kedudukan orang yang ditegur.

Pendekatan yang dikemukakan ini berpotensi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan perselisihan faham berlanjutan sekali gus menjamin tali silaturahmi terus tersimpul erat. Hayatilah sabda Rasulullah SAW,

Maksudnya: *“Sesiapa yang mahu dilapangkan (dimurahkan) baginya rezeki (dalam keberkatan) atau dipanjangkan umur (dalam keberkatan) maka hubungkanlah tali silaturahmi.”*

(HR. Bukhari dan Muslim)

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Mengambil ibrah daripada hadis itu, janganlah sewenang-wenang menunjukkan kesalahan orang lain semata-mata. Akan tetapi tunjukkanlah secara berhemah untuk menghindarkan kesalahannya daripada berlanjutan seterusnya dapat mengelakkan renggangnya hubungan silaturahmi. Sehubungan itu, sama-samalah kita hayati dan patuhi pengajaran yang tergarap menerusi firman Allah SWT dalam **surah al-Hujurat ayat 11**:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ
مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَبِ
بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.”

(QS al-Hujurat (49): 11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوعْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfak pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com